



Keadaan lokasi tanah runtuh akibat hujan lebat di Jalan Ion Delemen, Genting Highlands, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Tanah runtuh di Genting Highlands

Kerja pembersihan selesai malam tadi

Laluan terjejas dijangka boleh diguna semula, kontraktor sudah henti tugas

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Laluan menuju ke hotel dan pangsapuri yang terletak di Jalan Ion Delemen, Genting Highlands, yang ditutup akibat kejadian tanah runtuh kelmarin, dapat digunakan semula seawat-lewatnya tengah malam tadi.

Pada masa ini, pengunjung dan pekerja hotel serta pangsapuri yang terletak di jalan berkenaan menggunakan laluan alternatif berhampiran laluan utama yang sedikit terjejas akibat tanah runtuh selepas hujan lebat petang kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Genting Highlands,

Laluan sementara itu boleh dilalui kenderaan ringan sahaja dan hanya laluan sehalu dibuka pada satu-satu masa bagi memastikan ia selamat dilalui. Pada masa sama, kontraktor yang terbabit sedang melakukan kerja pembersihan di laluan utama yang dijangka dapat diguna semula tengah malam ini.

Yusri Abdullah Sani,
Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands


Yusri Abdullah Sani, berkata sehingga jam 4 petang semalam, jalan alternatif itu dibuka untuk digunakan kenderaan ringan seperti kereta dan van.

"Laluan sementara itu boleh dilalui kenderaan ringan sahaja dan hanya laluan sehalu dibuka pada satu-satu masa bagi memastikan ia selamat dilalui."

"Pada masa sama, kontraktor yang terbabit sedang melakukan kerja pembersihan di laluan utama yang dijangka dapat digunakan semula tengah malam ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Yusri berkata, sehingga jam 6 petang semalam, semua agensi keselamatan yang terbabit seperti polis dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sudah menghentikan tugas mereka di lokasi berkenaan.

"Bagaimanapun, pada masa sama, pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan terus berada di lokasi berkenaan bagi melakukan pemantauan mengenai sebarang kemungkinan dan situasi di situ.



Pengunjung melalui kawasan runtuh selepas kerja pembersihan di lokasi, semalam.



Anggota penyelamat memantau kerja pembersihan tanah runtuh di Genting Highlands, semalam.

"Berdasarkan siasatan dan pemeriksaan dijalankan, laluan di situ pada masa ini selamat untuk digunakan," katanya.

Sementara itu, berdasarkan tinjauan dijalankan BH petang semalam, satu laluan pejalan kaki untuk pengunjung dan pekerja hotel serta pangsapuri berhampiran di Jalan Ion Delemen.

Laluan berkenaan digunakan pengunjung dan pekerja yang tinggal di Hotel Ion Delemen serta

sebuah pangsapuri Amber Court yang ingin menuju ke pusat perancangan Genting Highlands atau sebaliknya.

Kejadian tanah runtuh itu berlaku pada jam 5.40 petang kelmarin, berikutan hujan lebat berterusan sejak jam 4 petang.

Runtuhan itu bagaimanapun tidak membabitkan laluan utama ke Genting Highlands kerana ia berlaku di laluan untuk ke kawasan tanah tinggi itu.